



GARIS PANDUAN PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN IKHTISAS (SPI) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan mengenai penambahbaikan pelantikan Skim Perkhidmatan Ikhtisas (SPI) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara berkaitan syarat dan kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat ini telah dibincangkan dan mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2025 yang telah bersidang pada 30 Mei 2025.
- 2.2 Garis Panduan ini dibangunkan ialah sebagai panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UMPASA dalam urusan pelantikan staf melalui peruntukan kewangan seperti Tabung Amanah, dana khas sesebuah projek yang telah diluluskan oleh Universiti, geran bukan berbentuk penyelidikan dan lain-lain dana yang dimiliki atau di bawah tanggungjawab PTJ.
- 2.3 Penambahbaikan ini dilakukan selari dengan pelaksanaan Sitem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dalam penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan, penjumudan skimperkhidmatan serta pelarasan gaji selaras dengan pemakaian pekeliling tersebut.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Tempoh pelantikan

- 3.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) bulan tetapi tidak melebihi tiga puluh enam (36) bulan pada satu-satu masa atau mengikut kemampuan peruntukan kewangan.

3.1.2 Pelanjutan tempoh pelantikan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada:

- 3.1.2.1 Prestasi perkhidmatan memuaskan dan diperakukan oleh Ketua PTJ atau Ketua Projek/Program yang mana berkenaan.
- 3.1.2.2 Peruntukan kewangan PTJ adalah mencukupi bagi tujuan pembayaran gaji/honorarium dan faedah / kemudahan yang berkaitan.
- 3.1.2.3 Sekiranya terdapat keperluan pelanjutan tempoh pelantikan melebihi tiga puluh enam (36) bulan, perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Melantik.
- 3.1.2.4 PTJ dikehendaki mengemukakan dokumen yang berkaitan bagi membuktikan keperluan pelanjutan tempoh pelantikan.

3.2 Syarat lantikan

KUMPULAN	JAWATAN/ GRED	TARAF LANTIKAN	KELAYAKAN
Teknikal	Eksekutif Teknikal, Q9I	<ul style="list-style-type: none"> • Sepenuh masa • Separuh masa 	Sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Sains atau Pertanian atau Perikanan atau Kejuruteraan atau Veterinar atau Teknologi Maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
	Penolong Eksekutif Teknikal, Q5I	<ul style="list-style-type: none"> • Sepenuh masa • Separuh masa 	Sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains; atau Diploma dalam bidang Sains atau

KUMPULAN	JAWATAN/ GRED	TARAF LANTIKAN	KELAYAKAN
			Kejuruteraan atau Teknologi Maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
	Pembantu Eksekutif Teknikal, Q11	<ul style="list-style-type: none"> • Sepenuh masa • Separuh masa 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. • Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. • Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
	Pembantu Teknikal, H111	<ul style="list-style-type: none"> • Separa masa 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya memiliki Penilaian Menengah Rendah atau Pentaksiran Tingkatan 3; atau mempunyai kemahiran dalam pertukangan atau perkebunan atau apa-apa kemahiran yang diiktiraf oleh UMPSA.

KUMPULAN	JAWATAN/ GRED	TARAF LANTIKAN	KELAYAKAN
Pentadbiran	Eksekutif Pentadbiran, N9I	<ul style="list-style-type: none"> • Sepenuh masa • Separuh masa 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-insituti pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
	Penolong Eksekutif Pentadbiran, N5I	<ul style="list-style-type: none"> • Sepenuh masa • Separuh masa 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan atau; diploma dalam bidang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
	Pembantu Eksekutif Pentadbiran, N1I	<ul style="list-style-type: none"> • Sepenuh masa • Separuh masa 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. • Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

KUMPULAN	JAWATAN/ GRED	TARAF LANTIKAN	KELAYAKAN
			<ul style="list-style-type: none"> Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3.3 Penjumudan Jawatan

3.3.1 Pembantu Pentadbiran, N111

3.4 Penetapan Kadar Honorarium

3.4.1 Pekerja Sepenuh Masa

KUMPULAN	JAWATAN	KELAYAKAN AKADEMIK	JULAT HONORARIUM (RM)	
			SEMASA (SSM)	CADANGAN (SSPA)
Teknikal	Eksekutif Teknikal	Ijazah Sarjana Muda	2,315.00 – 9,618.00	2,250.00 – 11,110.00
	Penolong Eksekutif Teknikal	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Diploma	1,496.00 – 5,676.00	1,650.00 – 6,620.00
	Pembantu Eksekutif Teknikal	Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil	1,377.00 – 4,052.00	1,500.00 – 4,680.00
Pentadbiran	Eksekutif Pentadbiran	Ijazah Sarjana Muda		2,250.00 – 11,110.00

			2,080.00 – 9,546.00	
	Penolong Eksekutif Pentadbiran	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Sijil Tinggi Agama Malaysia atau Diploma	1,493.00 – 5,672.00	1,650.00 – 6,620.00
	Pembantu Eksekutif Pentadbiran	Sijil Pelajaran Malaysia	1,352.00 – 4,003.00	1,500.00 – 4,680.00

3.4.2 Pekerja Separuh Masa (Kadar setiap jam)

KUMPULAN	JAWATAN	KADAR JAM ASAS (RM)	
		SEMASA (SSM)	CADANGAN (SSPA)
Teknikal	Eksekutif Teknikal	12.00	14.00 (RM2,250.00/20 hari/8 jam)
	Penolong Eksekutif Teknikal	8.00	10.00 (RM1,650.00/20 hari/8 jam)
	Pembantu Eksekutif Teknikal	7.00	9.00 (RM1,500.00/20 hari/8 jam)
	Pembantu Teknikal	6.00	8.00 Selaras dengan purata perbezaan kadar jam setiap jawatan iaitu sebanyak RM2.00
Pentadbiran	Eksekutif Pentadbiran	11.00	14.00 (RM2,250.00/20 hari/8 jam)

KUMPULAN	JAWATAN	KADAR JAM ASAS (RM)	
		SEMASA (SSM)	CADANGAN (SSPA)
	Penolong Eksekutif Pentadbiran	7.00	10.00 (RM1,650.00/20 hari/8 jam)
	Pembantu Eksekutif Pentadbiran	6.00	9.00 (RM1,500.00/20 hari/8 jam)

3.4.3 Faedah dan Kemudahan

BIL.	FAEDAH/ KEMUDAHAN	SKIM PERKHIDMATAN IKHTISAS	
		PEKERJA SEPENUH MASA	PEKERJA SEPARA MASA
1.	Cuti Rehat	14 hari	7 hari
2.	Cuti Sakit	14 hari	7 hari
3.	Cuti Bersalin	Minimum - 40 hari Maksimum - 60 hari (bergaji) *Tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan	Tiada
4.	Cuti Isteri Bersalin	7 hari	Tiada
5.	Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat: i. Suami/ isteri ii. Anak kandung	3 hari	3 hari

BIL.	FAEDAH/ KEMUDAHAN	SKIM PERKHIDMATAN IKHTISAS	
		PEKERJA SEPENUH MASA	PEKERJA SEPARA MASA
	iii. Anak angkat yang sah di sisi undang-undang iv. Anak angkat de facto v. Anak pelihara vi. Ibu kandung atau ibu angkat vii. Bapa kandung atau bapa angkat viii. Seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua		
6.	Tuntutan Perjalanan	Mengikut syarat dan kadar yang terpakai di UMPSA (tertakluk kepada peruntukan kewangan)	
7.	KWSP / SOCSO	Mengikut syarat dan kadar semasa yang berkuatkuasa	
8.	Cukai Pendapatan	Mengikut syarat dan kadar semasa yang berkuatkuasa	
9.	Ganjaran	Tertakluk kepada peruntukan kewangan PTJ dan kelulusan Ketua PTJ atau Ketua Projek/Program	
10.	Lain-lain Insentif		
11.	Gantian Cuti Rehat	Tiada	
12.	Kemudahan Perubatan	Tertakluk kepada polisi perubatan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang sedang berkuatkuasa.	
13.	Tuntutan Kerja Lebih Masa	Staf Kumpulan Pelaksana layak memohon apabila diarahkan bekerja di luar waktu kerja biasa oleh Ketua PTJ atau Ketua Projek/Program namun tertakluk kepada	

BIL.	FAEDAH/ KEMUDAHAN	SKIM PERKHIDMATAN IKHTISAS	
		PEKERJA SEPENUH MASA	PEKERJA SEPARA MASA
		peruntukan kewangan PTJ dan kelulusan Ketua PTJ atau Ketua Projek/Program.	

4.0 KECUALIAN DAN PERALIHAN

- 4.1 Keputusan pelantikan yang telah berlaku sebelum tarikh kuat kuasa garis panduan ini hendaklah terus mempunyai kesan undang-undang dan pentadbiran yang sah dan tidak terjejas oleh ketidakselarasan atau percanggahan dengan mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini.
- 4.2 Semua terma pelantikan yang dikeluarkan sebelum kuat kuasa garis panduan ini adalah kekal dan peruntukan di dalam garis panduan ini hanya terpakai bagi urusan pelantikan baharu dan pelantikan semula.
- 4.3 Pihak berkuasa yang bertanggungjawab berhak mengambil langkah-langkah penyesuaian yang perlu bagi memastikan peralihan dari peraturan terdahulu ke peraturan baharu berjalan lancar dan tanpa gangguan terhadap proses pentadbiran.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 21 Februari 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,

—————

(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 26 Jun 2025